

fokus

Mesyuarat Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia buat julung kalinya telah mengadakan Mesyuarat Pertama Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada Sabtu, 12 April 2003, Jam 9.30 pagi, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 11, Bangunan KWSP, Kangar, Perlis. Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai enam orang Ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah Kolej Universiti adalah merupakan Pihak Berkuasa Kolej Universiti dan berfungsi sebagai satu badan kerja dan badan eksekutif. Kompleksiti tugas dan obligasi utama Lembaga ialah dari aspek pentadbiran Kolej Universiti di peringkat dasar khususnya dalam hal ehwal kewangan dan staf.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia yang terdiri dari Pengerusi, Rektor, dua orang mewakili kerajaan, seorang mewakili masyarakat tempatan dan tidak lebih tiga orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang pada pendapat Menteri boleh membantu Lembaga (sekurang-kurangnya seorang daripada mereka ini daripada sektor swasta). Keanggotaan ahli Lembaga Pengarah KUKUM terdiri daripada:



- | | |
|---|--------------|
| 1• Y. Bhg. Dato' Ramli Bin Abbas | (Pengerusi) |
| 2• Y. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin | (Ahli) |
| 3• Y. Bhg. Tan Sri Syed Jalaludin Bin Syed Salim | (Ahli) |
| 4• Y. Bhg. Dato' Norraesah Binti Haji Mohammad | (Ahli) |
| 5• Y. Bhg. Dato' Sanad Bin Haji Said | (Ahli) |
| 6• Y. Bhg. En. Mohiyaddin @ Mohyidin Bin Che' Jan | (Ahli) |
| 7• Y. Bhg. Dr. Mohd Taib Bin Hashim | (Ahli) |
| 8• Y. Berusaha En. Mohd Anuar Bin Mohd Zainum | (Ahli Ganti) |
| 9• Y. Berusaha En. Ku Halim Bin Ku Ariffin | (Setiasaha) |

Ahli Lembaga Pengarah pada mesyuarat pertamanya telah diberi taklimat mengenai perkembangan semasa KUKUM, membincangkan maklumat penting berhubung Lembaga Pengarah dan perkara yang memerlukan kelulusan maklumat Lembaga Pengarah Kolej Universiti serta pengesahan beberapa jawatankuasa.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Kolej Universiti dicadangkan diadakan dua (2) bulan sekali yang tarikhnya ditentukan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Korum mesyuarat Lembaga Pengarah ialah empat (4) orang termasuk Pengerusi. Jadual mesyuarat tahunan akan diedarkan kepada semua bahagian bagi membolehkan semua bahagian-bahagian membuat perancangan sewajarnya dari segi penyediaan kertas kerja, mengemukakan laporan dan sebagainya.

Selepas mesyuarat tamat, pada sebelah petangnya ahli Lembaga telah dibawa melawat ke Perpustakaan, Jabatan Bendahari, Kampus KUKUM Kubang Gajah dan Kolej Kediaman Aman serta Kolej Kediaman Kuala Perlis. Lawatan ahli-ahli lembaga ini telah diiringi oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, En. Ku Halim Ku Ariffin dan beberapa pegawai lain yang terlibat untuk sama-sama mengiringi ahli-ahli lembaga pengarah ini melawat KUKUM.

